



JAWATANKUASA TEKNIKAL BEKALAN DAN HARGA MAKANAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

LAPORAN SITUASI BEKALAN DAN HARGA BARANG MAKANAN

Berikut merupakan situasi bekalan dan harga makanan yang dibincang dan dilaporkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bekalan dan Harga Makanan Bilangan 9 Tahun 2023** bertarikh **25 Oktober 2023**.

1. HARGA

- Berdasarkan laporan Trend Pergerakan Harga Barangan Keperluan Pengguna 2023 oleh BHBN, kebanyakan harga barangan yang dipantau dalam 'Dashboard 10 Item' bagi tempoh 1 hingga 15 Oktober 2023 adalah stabil walaupun ada yang mengalami sedikit peningkatan harga.

1.1 Trend Harga

Ayam Bersih Standard

- Trend harga Ayam Bersih Standard menunjukkan peningkatan harga dalam julat antara 0.2% hingga 4.5% bagi perbandingan harian, mingguan dan bulanan.
- Walau bagaimanapun, trend harga purata harian pada 15 Oktober 2023 bagi Ayam Bersih Standard untuk Nasional (RM8.81/kg) dan Semenanjung Malaysia (RM8.76/kg) masih di bawah harga kawalan.

Tomato

- Tomato menunjukkan sedikit **penurunan harga** bagi perbandingan harga mingguan.
- Namun, perbandingan harga harian tomato pada 15 Oktober 2023 didapati mengalami peningkatan sebanyak 6.6% bagi Nasional dan 1.3% bagi Semenanjung Malaysia.
- Harga harian tomato RM5.95/kg untuk Nasional juga masih melebihi harga baseline RM5.50/kg.
- Pergerakan harga tomato sangat *volatile* memandangkan ia mudah rosak dan sangat bergantung kepada faktor cuaca.
- Memandangkan tomato merupakan barang kawalan semasa SHMMP Deepavali, kelazimannya peniaga akan mula menaikkan harga tomato sebelum tempoh kawalan harga sebagai strategi bagi mengurangkan kerugian mereka sepanjang tempoh SHMMP Deepavali berlangsung.

Bawang Putih China

- Bawang Putih China menunjukkan penurunan harga bagi perbandingan harian dan mingguan dalam julat antara 0.2% hingga 1.6%.
- Julat harga bawang putih adalah pelbagai dan kekerapan adalah pada harga RM12/kg di 64 premis.

Bawang Besar Merah

- Bawang Besar Import India menunjukkan **peningkatan harga** dengan julat di antara **0.7% hingga 7.4%**.
- Perbandingan mingguan mendapati harga Bawang Besar Import China dan Pakistan adalah stabil dan menunjukkan penurunan dengan julat antara 0.3% dan 7.1%.
- Manakala, perbandingan bulanan mendapati harga **Bawang Besar Import India** dan **Pakistan** mencatatkan **peningkatan antara 5.4% hingga 7.4%**.

Bawang Merah Kecil

- Trend harga bagi bawang kecil merah **masih stabil** di paras harga yang munasabah walaupun berlaku **sedikit peningkatan harga** dengan julat kenaikan antara 1.2% hingga 17.5%, terutamanya bagi Bawang Kecil Merah Biasa India.
- Perbandingan harga bulanan mendapati semua Bawang Merah Kecil kecuali Thailand mengalami peningkatan harga **antara 11.8% hingga 25.3%**.
- Harga bagi Bawang Merah Kecil Thailand kebiasaannya dijual pada harga yang jauh lebih tinggi berbanding bawang dari negara pengimport yang lain. Trend harga Bawang Merah Kecil Thailand menunjukkan penurunan bagi perbandingan harian, mingguan dan bulanan dengan julat antara 0.4% hingga 1.1%.

Beras

- Harga **beras tempatan adalah stabil** dan harga masih di bawah paras harga kawalan maksimum yang ditetapkan.
- Manakala, harga beras import didapati meningkat sekitar 0.8% hingga 2.8% bagi perbandingan mingguan dan antara 10.0% hingga 21.0% bagi perbandingan bulanan.
- Harga beras Basmathi adalah stabil di paras yang munasabah.

1.2 Aduan berkaitan harga

- BGK melaporkan sebanyak 52 aduan berkaitan harga telah diterima di dalam sistem e-Aduan bagi kategori bahan mentah sepanjang tempoh 1 hingga 15 Oktober 2023, lebih

tinggi berbanding 90 jumlah aduan yang diterima bagi tempoh 16 hingga 30 September 2023. Aduan tertinggi yang diterima adalah di Sabah sebanyak 11 aduan, diikuti dengan Selangor sebanyak 9 aduan dan Johor sebanyak 7 aduan.

- Perincian aduan berkaitan harga bagi **Bahan Mentah** adalah seperti berikut:
 - **Minyak Masak - 14 aduan** (16 - 30 September 2023: 6 aduan);
 - **Beras - 21 aduan** (16 - 30 September 2023: 60 aduan);
 - **Gula - 7 aduan** (16 - 30 September 2023: 6 aduan);
 - **Telur - 8 aduan** (16 - 30 September 2023: 6 aduan);
 - **Ayam - 2 aduan** (16 - 30 September 2023: 8 aduan); dan
 - **Sayur - 0 aduan** (16 - 30 September 2023: 4 aduan).
- Hasil pemantauan UKK sepanjang tempoh 1 hingga 15 Oktober 2023 mendapati hanya tiga (3) **isu/perkara** berkaitan harga yang berlegar di media cetak iaitu mengenai pemantauan harga barang.
- Bagi media sosial pula, **sebanyak 198 mentioned** dilaporkan bagi tempoh yang sama yang mana kebanyakannya adalah **positif (120)** dan **sentimen neutral (63)**.

1.3 Tindakan yang akan diambil berkaitan laporan kenaikan harga

- BPGK akan memberikan perhatian khusus dan membuat pemeriksaan lanjut bagi item-item yang didapati mengalami kenaikan harga yang secara berterusan seperti bawang besar merah, minyak masak dan beras import. Selain itu, BPGK juga akan **memantau harga ayam (termasuk caj-caj tambahan) di pasaran yang dijangka akan meningkat apabila harga ayam diapungkan** mulai 1 November 2023.
- BHBN juga akan terus **memantau secara rapi** item-item yang didapati mengalami **peningkatan harga yang berterusan/ketara** termasuk **item-item selain daripada “Dashboard 10 Item”**. Hasil pemantauan akan dibentang dan dibincangkan dalam platform mesyuarat ini bagi tujuan penyediaan laporan untuk makluman Pengurusan Tertinggi Kementerian.

2. BEKALAN

2.1 Aduan berkaitan bekalan

- BGK melaporkan **aduan keseluruhan berkaitan bekalan menurun** bagi tempoh 1 hingga 15 Oktober 2023 **iaitu sebanyak 174 aduan** (16 - 30 September 2023: 188 aduan) **namun jumlah ini masih lagi dianggap tinggi** jika dibandingkan dengan bulan-bulan sebelumnya. Secara keseluruhannya, Selangor merekodkan bilangan aduan yang tinggi iaitu sebanyak 36 aduan (32 aduan bagi tempoh 16-30 September 2023), diikuti oleh Negeri Sembilan sebanyak 27 aduan (6 aduan bagi tempoh 16-30 September 2023) dan Johor dengan 26 aduan (29 aduan bagi tempoh 16-30 September 2023). Aduan berkaitan bekalan mengikut kategori adalah seperti berikut:

- **Gula - 59 aduan** (22 aduan berkaitan kurang atau tiada bekalan);
 - **Minyak Masak - 65 aduan** (10 aduan berkaitan kurang atau tiada bekalan);
 - **Telur - 18 aduan** (6 aduan kurang atau tiada bekalan);
 - **Beras - 32 aduan (17 aduan berkaitan kurang atau tiada bekalan).**
- Bagi aduan beras, BGK memaklumkan perincian aduan masih lagi menyatakan ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran.
 - Selain itu, **pembelian bersyarat yang sebelum ini hanya melibatkan item gula dan minyak masak kini turut dilaporkan untuk item telur.** Terdapat aduan dari pengguna yang menyatakan kedai meletakkan syarat untuk membeli barangan lain terlebih dahulu sebelum dibenarkan untuk membeli telur.
 - Hasil pemantauan UKK berkaitan isu bekalan di media cetak sepanjang tempoh 1 hingga 15 Oktober 2023 mendapati **isu yang berlegar** adalah mengenai **bekalan beras, gula, minyak masak dan telur** dengan majoriti menunjukkan sentimen positif.
 - Bagi media sosial pula, **sebanyak 178 mentioned** dilaporkan bagi tempoh yang sama yang mana kebanyakannya adalah **sentimen positif (125)** dan **neutral (35)** manakala **lima (8) sentimen negatif** turut dilaporkan. Isu-isu yang menjadi tumpuan di media sosial adalah berkaitan bekalan beras tempatan, pemantauan harga serta sorotan lawatan turun padang ahli politik di kawasan Parlimen bagi tujuan memantau bekalan makanan asas.

2.2 Trend Bekalan

- Pemantauan BHBN bagi tempoh 1-15 Oktober 2023 mendapati **beras tempatan sukar diperolehi di pasaran** dan **bilangan premis yang menjual beras tempatan juga masih kurang berbanding biasa.**

2.3 Tindakan yang akan/telah diambil berkaitan laporan kekurangan bekalan

- Susulan pengumuman Kerajaan untuk memberikan **subsidi sebanyak RM950 setiap tan metrik beras putih import (BPI) di Sabah, Sarawak dan Labuan** bagi membolehkan ia dijual pada harga runcit RM31 untuk pek 10 kilogram mulai 5 Oktober 2023, pemantauan BGK terhadap **trend aduan bekalan beras di Sabah mendapati berlaku penurunan yang signifikan** iaitu hanya **4 aduan direkodkan berbanding 15 aduan** pada pelaporan sebelumnya (16-30 September).
- BHBN akan terus memantau bilangan premis yang menjual beras tempatan dan akan memaklumkan sebarang penemuan kepada BPGK untuk tindakan lanjut.

3. RUMUSAN

- Mesyuarat bersetuju supaya BHBN meneruskan pemantauan secara rapi item-item yang didapati mengalami peningkatan harga yang signifikan dan berterusan.

- Mesyuarat mencadangkan supaya pemakluman dan advokasi melalui media cetak/sosial dilaksanakan mulai sekarang supaya pengguna bersedia untuk menerima jangkaan kenaikan harga ayam apabila ia mula diapungkan pada 1 November 2023 kelak.
- Bahagian-bahagian yang terlibat dalam mesyuarat juga diminta sentiasa bersedia sekiranya terdapat permintaan daripada Pengurusan Tertinggi atau Kerajaan untuk penyediaan input/maklumat berkaitan harga dan bekalan makanan.